

29 MAY 2003

Mahathir-Jawatan

DR MAHATHIR: SAYA BELAJAR UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak pernah berhenti dari mempelajari pelbagai perkara untuk memimpin negara dengan berkesan sejak memegang jawatan Perdana Menteri 22 tahun lepas.

"Saya belajar untuk menjadi Perdana Menteri (sebaik dilantik pada Julai 1981)," katanya semasa menjawab satu soalan yang dikemukakan kepadanya pada majlis dialog perhimpunan Hari Pekerja 2003 bagi anggota sektor awam di sini hari ini.

Beliau telah diminta oleh seorang pegawai yang mengemukakan soalan supaya memberikan nasihat kepada pegawai muda kerajaan dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020 bagi membangunkan Malaysia sebagai negara maju.

Dr Mahathir berkata sehingga kini beliau terus belajar mengenai langkah-langkah yang perlu diambil dan yang perlu dielakkan, serta sentiasa berusaha menguasai pelbagai ilmu.

Katanya, jika sesebuah negara itu sentiasa menukar perdana menterinya dalam jangka masa yang singkat maka adalah sukar bagi negara itu untuk maju kerana setiap perdana menteri memerlukan masa untuk mempelajari cara yang paling berkesan untuk mentadbir dan memimpin negara.

Dr Mahathir berkata sebaik sahaja beliau dilantik sebagai Perdana Menteri (ke empat Malaysia), beliau telah mengetepikan kepentingan peribadi dan menumpukan sepenuh perhatiannya kepada kepentingan negara.

"Ketepikan perkara yang tidak ada kaitan dengan tugas," katanya sebagai nasihat beliau kepada kakitangan awam.

Beliau berkata perkara utama yang perlu ada pada setiap pegawai adalah disiplin, termasuk mengawal kehendak peribadi bagi tujuan kepentingan bersama, serta kesetiaan dan mempertingkatkan keupayaan sepanjang masa.

Para kakitangan kerajaan juga perlu sentiasa mengikut arahan bagi memastikan tanggungjawab dapat dijalankan dengan sebaik yang mungkin, katanya.

Perdana Menteri berkata dalam mengeluarkan arahan, pastikan yang arahan itu mampu dibuat.

"Saya tidak arah orang buat apa yang saya tidak sanggup buat," katanya.

Sepanjang menerajui negara, Dr Mahathir telah memperkenalkan pelbagai usaha ke arah mempertingkatkan prestasi dan imej perkhidmatan awam antaranya penggunaan kad perakam waktu bagi mewujudkan disiplin dan menghargai masa, tanda nama bagi pegawai kerajaan dan Dasar Pandang ke Timur bagi mencontohi nilai dan etika kerja positif masyarakat Jepun dan Korea.

Selain itu, beliau juga memperkenalkan "Kempen Bersih, Cekap dan Amanah", "Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran", "Dasar Persyarikatan Malaysia" dan "Dasar Pensiwaan".

Pada majlis itu, Perdana Menteri dihadiahkan buku bergambar bertajuk "Mahathir Arkitek Kecemerlangan Perkhidmatan Awam" yang dihasilkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mengenang jasa dan sumbangan beliau.

Dr Mahathir turut menyampaikan cek, pembayaran daripada skim pampasan, kepada dua balu pegawai kerajaan iaitu isteri kepada allahyarham Jamdin Ramli, Noradzma Yusof dan isteri kepada allahyarham Mustafa Mohamed Amin, Hafizah Ismail.

Jamdin, pegawai belia dan sukan, maut dalam kemalangan jalan raya di Brunei pada tahun 2001 semasa menyertai kontinjen Malaysia bagi program Kapal Belia Asia sementara Mustafa, pegawai pemeriksa kilang dan jentera,

meninggal dunia pada November tahun lepas.

Pembayaran itu adalah daripada Skim Wang Simpanan Pekerja untuk pegawai berpencen yang ditimpa kemalangan dan kecederaan, termasuk yang teraniaya, semasa menjalankan tugas-tugas rasmi.

-- BERNAMA

HK AHH RON